

## 9. Peringatan Tegahan

- i. Mana-mana pihak boleh memohon kepada mahkamah satu perintah tegahan atau larangan kepada seseorang untuk menahan dirinya dari mengganggu, mencerca, memaki hamun, mencero boh, memukul, mendera atau menganiaya ke atas suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isterinya.
- ii. Mana-mana pihak boleh memohon kepada Mahkamah atau satu perintah tegahan atau larangan menahan transaksi harta yang akan mengurangkan keupayaan mana-mana pihak melaksanakan perintah-perintah nafkah isteri, nafkah anak, harta sepencarian dan mut'ah.

### NOTA PERINGATAN:

*Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.*

## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-257032 088-258549  
FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH  
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,  
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT  
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN  
BANGUNAN URUSETIA NEGERI  
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN  
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155  
FAKS:089-670150

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU  
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,  
PETI SURAT 1882  
91043 TAWAU  
TEL:089-765942, 089-760908  
FAKS:089-765942

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT  
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH  
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT  
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU  
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU  
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU  
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA  
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU  
TEL:088-253579 FAKS:088-219066



## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# HAK SUAMI ISTERI DALAM TEMPON PERKAHWINAN



Di antara perkara-perkara yang boleh dituntut oleh isteri dalam tempoh perkahwinan adalah seperti berikut:

1. Nafkah diri
2. Hak jagaan anak
3. Nafkah anak
4. Tunggakan nafkah
5. Tunggakan nafkah anak
6. Hak tempat tinggal
7. Hak cagaran nafkah
8. Nafkah sementara
9. Perintah tegahan

### 1. Nafkah Diri

Mengikut hukum syarak, isteri yang taat dan tidak disabitkan nusyuz oleh Mahkamah Syariah berhak mendapat nafkah daripada suaminya. Perkara ini diperuntukkan di dalam seksyen 60 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004.

### 2. Hak Jagaan Anak

Mengikut hukum syarak, ibu adalah orang yang paling berhak menjaga anak kecilnya dalam masa perkahwinan dan juga selepas pekahwinan dibubarkan kecuali jika ia berkahwin dengan lelaki lain yang bukan mahram kepada anak itu, berahklak buruk secara keterlaluan dan terbuka, murtad, cuai atau menganiaya kanak-kanak itu dan berpindah dengan tujuan mencegah bapa kanak-kanak itu dari menjalankan pengawasan yang perlu (melainkan berpindah ke tempat lahir ibu anak itu).

### 3. Nafkah Anak

Mengikut hukum syarak, bapa adalah wajib menanggung nafkah anak-anaknya yang masih di bawah tanggungannya dan yang tidak berkemampuan.

Di bawah seksyen 74 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 memperuntukkan bahawa Mahkamah boleh memerintahkan seorang bapa membayar nafkah untuk faedah mana-mana anaknya jika;

- (a) dia enggan atau cuai memperuntukkan nafkah anak;
- (b) meninggal langsung isteri dan anak itu dalam jagaan isteri;
- (c) dalam masa menanti sesuatu prosiding hal ehwal suami isteri;
- (d) apabila dia membuat atau selepas daripada membuat suatu perintah meletakkan anak itu dalam jagaan seseorang yang lain; atau
- (e) apabila Mahkamah telah memberi kebenaran berpoligami kepada lelaki tersebut.

### 4. Tunggakan Nafkah Isteri

Tunggakan nafkah ialah nafkah yang tidak ditunaikan oleh suami kepada isterinya dalam tempoh perkahwinan dan ia menjadi hutang ke atas suaminya dan wajib dibayar. Tunggakan ini boleh dituntut di Mahkamah Syariah.

### 5. Tunggakan Nafkah Anak

Tunggakan nafkah anak boleh dipohon kepada mahkamah apabila suami atau bekas suami telah gagal melaksanakan satu perintah nafkah anak yang telah dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Tunggakan tersebut boleh dipohon dari tarikh kegagalan membayar perintah nafkah anak tersebut

### 6. Hak Tempat Tinggal

Suami wajib menyediakan tempat tinggal kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada.

### 6. Hak Tempat Tinggal

Suami wajib menyediakan tempat tinggal kepada isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada.

### 7. Hak Cagaran Nafkah

Isteri yang berhak mendapat nafkah daripada suaminya, boleh memohon kepada Mahkamah Syariah untuk memerintahkan suaminya memberi cagaran bagi kesemua atau apa-apa bahagiannya dengan meletak hak apa-apa harta kepada pemegang-pemegang amanah bagi tujuan permbayaran nafkah dan menjamin bayaran nafkah itu dapat dilaksanakan dengan teratur dan dijelaskan pada masa yang telah ditetapkan

### 8. Nafkah Sementara

Isteri berhak memohon kepada mahkamah satu perintah sementara nafkah bagi dirinya semasa prosiding mahkamah sedang berjalan sehingga satu keputusan Mahkamah Syariah muktamad dikeluarkan.

Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 72 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2004 di mana Mahkamah boleh membuat suatu perintah kepada suami bagi membayar nafkah sementara kepada isteri yang akan berkuatkuasa serta-merta dan terus berkuatkuasa sehingga perintah mahkamah dibuat atas permohonan untuk nafkah.